

TALKING POINT

NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**Y. BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN BIN
HUSSIN**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP SEMINAR KEBANGSAAN BAGI
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (NaSOSH)
2013**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin Bin Bahari,
Pengarah Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berusaha En. A'azizan Bin Mustafa, EHS Manager, Infineon
Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.

Yang Berusaha En. Mohd Aliasman Bin Morshidi, SHE Consultant

Para penceramah Seminar Kebangsaan Bagi Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan NaSOSH 2013

Wakil-wakil media,

Para peserta seminar

Seterusnya para pelajar dan staf Universiti Malaysia Perlis yang
saya kasihi sekalian.

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang yang indah ini dalam majlis penutup sempena Seminar Kebangsaan Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NaSOSH 2013) yang pertama kali dianjurkan oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (UKKP) UniMAP dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlis (JKKP).

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir untuk memeriahkan NaSOSH 2013 yang julung kali diadakan di negeri Perlis. Saya berharap para peserta dan penceramah dapat berkongsi pengalaman masing-masing selama dua hari menghadiri seminar ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

NASOSH 2013

3. Saya difahamkan sasaran penganjuran seminar ini bukan sahaja dari kalangan tenaga pengajar institusi pendidikan, malah ia terbuka kepada institusi penyelidikan, badan-badan kerajaan dan swasta, pihak-pihak industri dan kepada para pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerja seluruh Malaysia.

4. Bertemakan “***Towards Sustainability in OSH Management***” bertujuan bagi melihat bentuk-bentuk pemikiran baru yang boleh diterapkan di dalam pengurusan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan dalam persekitaran dan suasana Malaysia pada masa kini dan masa hadapan.

5. Oleh itu, seminar ini akan menjadi medan bagi mengumpulkan pandangan daripada pelbagai pihak seperti JKKP, PERKESO, pihak industri, institusi pengajian tinggi, jururunding dan NGO dari seluruh negara supaya dapat memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana setiap orang memainkan peranan dalam membangun, melaksana, memurni dan melestarikan pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Malaysia.

Hadirin sekalian

6 PRINSIP UTAMA BAGI MEMBENTUK PEMBANGUNAN YANG MAMPAN

6. Sepertimana yang dipetik daripada “The UK Government Sustainable Development Strategy: Securing the future – Delivering the UK Sustainable Development Strategy – March 2005” menyatakan bahawa terdapat 6 prinsip utama bagi membentuk pembangunan yang mampan bagi sesebuah Negara iaitu :-

- ***Contribute to building a sustainable society, present and future***
- ***Apply professional and responsible judgment and take a leadership role***
- ***Do more than just comply with legislation and codes***
- ***Use resources efficiently and effectively***

- ***Seek multiple views to solve sustainability challenges***
- ***Manage risk to minimize adverse impact to people and environment***

7. Keenam-enam prinsip di atas perlu dipertimbangkan di dalam membuat sesuatu keputusan pentadbiran bagi memastikan pembangunan yang dirancang boleh dinikmati bukan hanya generasi kini malah generasi yang akan datang. Justeru, apakah kaitan agenda pembangunan mampan ini dengan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan? Sudah pastilah ia sangat berkait rapat. Saya ingin menerangkan lebih lanjut berkenaan dengan salah satu daripada 6 prinsip tadi iaitu ***“Manage risk to minimize adverse impact to people and environment”***.

PENGURUSAN HAZAD

8. Dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, perkara asas yang perlu diuruskan adalah pengurusan hazard dan risiko. Jika hazard di tempat kerja diuruskan dengan baik ia akan dapat mengurangkan setiap risiko berada di bawah paras yang boleh diterima, ia akan membawa kepada persepsi dan suasana yang selamat kepada semua pekerja dan sesiapa sahaja yang berurusan dengan organisasi tersebut.

9. Namun begitu, untuk menguruskan hazard secara efektif, ianya tidak hanya bergantung harap kepada pematuhan akta dan

peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja semata-mata. Atas kesedaran itu, UniMAP mengambil langkah proaktif untuk menerapkan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bagi memastikan UniMAP sentiasa berada dilandasan yang betul dalam pengurusan hazard di tempat kerja. Justeru itu, harapan saya agar seminar ini dapat mencetuskan idea baru dalam pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan nilai-nilai murni di dalam seminar ini dapat diterapkan di dalam organisasi masing-masing sebagai nilai tambah dan peningkatan yang berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

10. Untuk mencegah berlakunya kemalangan di tempat kerja, kita perlulah mewujudkan anjakan paradigma dalam sikap manusia itu. Sikap negatif dan berputus asa yang dahulunya menjadi sesuatu lumrah, hendaklah diubah menjadi sikap yang berilmu, betul, positif, dan mengambil berat. Dengan wujudnya kesedaran ini maka akan lahirlah budaya kebertanggungjawapan dalam diri setiap ahli sesebuah organisasi. Oleh itu, saya ingin mengajak semua warga UniMAP dan semua peserta seminar untuk bersama-sama menerapkan slogan ini di dalam diri masing-masing:-

Safety is my responsibility

Safety is your responsibility

Safety is our responsibility

Akhir kata, dengan lafaz Bimillah hirrahman nirrahim, ***saya menutup Seminar Kebangsaan Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NaSOSH 2013.***